



IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL MYSTEP
BAHAGIAN KABINET, PERLEMBAGAAN DAN PERHUBUNGAN
ANTARA KERAJAAN, JPM

Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri ingin mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi segera kekosongan Personel MySTEP seperti berikut :

JAWATAN : **Personel MySTEP**
KADAR UPAH : **RM 2,100 sebulan (Ijazah)**

1. DESKRIPSI TUGAS :

Bertanggungjawab membangun program baru untuk sesuatu sistem guna komputer, memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, penyediaan dokumentasi sistem, penyelenggaraan sistem dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

2 SYARAT KELAYAKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun;
- c) Ijazah dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat;
- d) Memiliki kemahiran dalam menulis kod aturcara PHP *Laravel*;
- e) Memiliki kemahiran menulis/mengolah kod CSS/ *Javascript*;
- f) Memiliki kemahiran menyelenggara pangkalan data MySQL;

- g) Memiliki kemahiran dalam penggunaan aplikasi *Microsoft Office* dan sistem sokongan berkaitan;
- h) Memiliki kemahiran berfikir secara analitik dan kreatif;
- i) Berminat meningkatkan ilmu dan kemahiran diri; dan
- j) Bertanggungjawab, memiliki personaliti yang menarik dan berdisiplin.

3. CARA MEMOHON

Kemukakan resume berserta gambar berukuran pasport terkini dan juga salinan kad pengenalan, serta sijil tamat pengajian lengkap dengan transkrip ke alamat e-mel **sumbermanusia@kabinet.gov.my**. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas sebulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **31 Julai 2023 (Isnin)**.